

Headline	Pemantauan kesihatan jemaah haji dipertingkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	220 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,751



Pemantauan kesihatan jemaah haji dipertingkat

Putrajaya: Tahap pemantauan kesihatan 22,320 jemaah haji Malaysia di Tanah Suci akan dipertingkatkan ekoran penularan wabak Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) dan virus Ebola di Afrika Barat.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Tan Sri Ismee Ismail, berkata 600 petugas haji akan berada di Tanah Suci, dengan separuh daripadanya adalah kakitangan Kementerian Kesihatan bagi memastikan kesihatan jemaah Malaysia sentiasa dalam keadaan baik, selain menguruskan pelaksanaan ibadah haji jemaah.

Rujuk kementerian

“Kita sentiasa merujuk Kementerian Kesihatan untuk memberikan garis panduan kepada jemaah haji dan jika ada se-

barang garis panduan baharu, kita akan memaklukkannya kepada jemaah.

“Kementerian dan Kerajaan Arab Saudi akan sentiasa memantau perkara ini dan saya meminta jemaah supaya tidak risau mengenainya,” katanya selepas merasmikan Kursus Perdana Haji Peringkat Wilayah Persekutuan di Masjid Putra di sini, semalam.

Kursus itu adalah kursus terakhir disertai bakal jemaah bagi meningkatkan tahap pengetahuan mengenai ibadah haji serta memberikan maklumat kepada mereka sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Melalui kursus yang diadakan setiap tahun itu, bakal jemaah diberikan pendedahan mengenai pelaksanaan ibadah haji menerusi latihan amali secara simulasi seperti bertawaf, saie, melontar jamrah serta amalan secara berkumpulan.

Jaga kebersihan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebelum ini mengingatkan jutaan umat Islam yang akan menunaikan haji supaya menjaga aspek kebersihan asas kerana perhimpunan besar-besaran menimbulkan risiko penyebaran wabak MERS-CoV.

Agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu merekodkan 827 kes MERS-CoV dengan 287 kematian, kebanyakannya di Arab Saudi. Ia dipercayai tersebar akibat sentuhan dengan unta dan disebarkan kepada tubuh manusia menerusi cecair badan dan najis.

Sementara itu, dalam perkembangan berkaitan, virus Ebola kini sedang menular di beberapa negara Afrika Barat termasuk Guinea, Liberia, Sierra Leone dan Nigeria dan sudah meragut lebih 900 nyawa.

Headline	Pemantauan kesihatan jemaah haji dipertingkat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	3	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	220 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,584
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,751



“
**Kementerian dan
Kerajaan Arab
Saudi akan sentiasa
memantau perkara
ini dan saya
meminta jemaah
supaya tidak risau
mengenainya”**

Ismee Ismail,
Pengarah Urusan
Kumpulan dan Ketua
Eksekutif Lembaga
Tabung Haji